

12/02/2003

PM sokong halang Nato (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia menyokong penuh usaha Perancis, Jerman dan Belgium

menghalang rancangan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) untuk melindungi Turki yang mungkin dijadikan pangkalan tentera Amerika Syarikat

bagi melancarkan serangan ke atas Iraq.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pendirian tiga

negara Eropah itu jelas menentang peperangan dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian lain terhadap krisis Iraq.

"Nampaknya jelas pendirian mereka menentang perang dan untuk mencari jalan penyelesaian lain terhadap masalah Iraq dan saya berpendapat, kita menyokong penuh usaha ini," katanya selepas melancarkan pembangunan Pusat

Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan tiga negara anggota Nato itu menghalang pelaksanaan prosedur ketenteraan Nato bagi meningkatkan pertahanan Turki jika perang dilancarkan ke atas Iraq.

Tindakan itu mencetuskan kemarahan Washington dan Presiden George W Bush

dalam reaksinya, menyuarakan kekecewaan serta menyifatkan langkah tiga negara itu berpandangan cetek.

"Saya tidak faham mengapa mereka membuat keputusan menghalang Nato daripada membantu sebuah negara seperti Turki membuat persiapan," katanya

dipetik Reuters.

Bush berkata, tindakan ketiga-tiga negara berkenaan memberi kesan negatif kepada Nato.

Perancis, Jerman dan Belgium berhujah bahawa persediaan mempertahankan Turki boleh dianggap sebagai menyokong tindakan ketenteraan terhadap Iraq,

walaupun usaha penyelesaian secara diplomatik masih berterusan.

Turki yang mungkin dijadikan pangkalan tentera Amerika Syarikat bagi menyerang Iraq dari bahagian sempadan utara, dilaporkan bimbang terhadap serangan balas jirannya itu.

Di BRUSSELS, Nato sedang berusaha memecahkan kebuntuan paling besar dalam sejarah 54 tahun penubuhannya tetapi Perancis, Jerman dan Belgium tidak memberikan sebarang tanda bahawa mereka akan menyertai persiapan sekutu itu untuk melancarkan serangan ke atas Iraq, yang diketuai Amerika.

Perbezaan pendapat yang serius berhubung isu Iraq menyebabkan kebuntuan

itu apabila tiga negara Eropah berkenaan enggan menghantar tentera ke Turki, sebuah negara anggota Nato bagi mempertahankan negara itu

daripada

tindak balas Iraq jika tentera Amerika menyerang Iraq dari Turki.

Tiada petanda sebarang perubahan sikap daripada Perancis, kata seorang pegawai pertubuhan 19 negara itu.

"Tetapi jika hanya satu negara enggan berbuat demikian, maka kekuatannya berbeza dengan tiga negara," katanya.